



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

YTM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ “NEGARAWAN SEJUTA JASA”

KUALA LUMPUR, 5 OGOS 2024 – Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Program Mengenang Negarawan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj “Negarawan Sejuta Jasa”, sebagai apresiasi terhadap pengorbanan, jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh beliau ketika era pentadbirannya seawal tahun 1940an – 1970an. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YAB Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Program Mengenang Negarawan merupakan program *signature* Arkib Negara Malaysia yang dilaksanakan pada setiap tahun bagi mengenang dan memperingati jasa serta sumbangan para negarawan yang diabadikan dalam Arkib Memorial. Program ini juga selaras dengan usaha menyebarluaskan maklumat sejarah dan legasi ketokohan YTM Tunku Abdul Rahman Putra yang telah banyak memberi sumbangan dalam perjuangan kemerdekaan penubuhan Malaysia serta membangunkan ekonomi negara bagi membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan bangsa.

YB Datuk Aaron Ago Dagang turut menyatakan bahawa Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) telah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai sebuah badan berkanun bagi menyediakan bantuan kewangan bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Sejak penubuhannya, YTAR telah membantu seramai 9,000 pelajar dan menasarkan untuk membantu lebih 1,000 pelajar bagi tempoh lima tahun akan datang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi seterusnya menjadi pemimpin muda. Kini YTAR dibawah tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberi fokus menyediakan bantuan pendidikan melalui Biasiswa Tunku Abdul Rahman serta menjalankan program iaitu *Closing The Gap* dan *Future Ready* yang akan meningkatkan kebolehpasaran graduan B40.

Program ini telah diadakan pada 5 Ogos bermula jam 2:00 petang hingga 10:00 malam bertempat di Piazza, Pavilion Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Pelbagai aktiviti menarik telah dirangka kepada para pengunjung antaranya pameran eksklusif YTM Tunku Abdul Rahman Putra dengan tema “Negarawan Sejuta Jasa” yang memaparkan koleksi khas Tunku, kereta merdeka dan banyak lagi. Para pengunjung juga dapat mengikuti sesi pengisahan oleh Yang Mulia Tunku Muinuddin Tunku Ahmad Nerang cucu Tunku di slot “Memories of My Grandfather”, persembahan busking dan pameran daripada jabatan dan agensi Kerajaan. Diharapkan melalui program ini, jasa dan pengorbanan YTM Tunku bukan sahaja menjadi sumber inspirasi dan teladan seluruh rakyat Malaysia, tetapi juga dicontohi oleh pemimpin masyarakat dan politik demi kemakmuran negara tercinta.

YB Datuk Aaron Ago Dagang juga berharap agar agar segala sumbangan dan legasi yang ditinggalkan oleh Tunku akan menjadi sumber inspirasi kepada generasi muda iaitu generasi Merdeka untuk terus menjadi agen penggerak negara muhibah dan harmoni. Perpaduan adalah kunci kejayaan rakyat berbilang bangsa yang mewarnai Malaysia. Ia perlu terus disemai di bawah aspirasi Malaysia MADANI bagi memastikan kesinambungan warisan tinggalan Tunku dapat ditatap dan dinikmati oleh generasi akan datang.

Kementerian Perpaduan Negara mengalu-alukan kehadiran semua ke program ini pada 5 Ogos nanti dan menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia untuk sama-sama melawat Memorial Tunku Abdul Rahman Putra yang terletak di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur sekaligus akan dapat mengenali Tunku dengan lebih dekat dan mencontohi pengorbanan, jasa dan sumbangan Tunku kepada negara.

Kementerian Perpaduan Negara
5 Ogos 2024